


Rezeki Pengusaha Kedai Bakeri Terjejas

Oleh: NurZatil Aqmar binti Mohd Zamri 1182706

TUMPAT: Pengusaha kedai bakeri antara peniaga yang terkesan dan mengalami kerugian susulan pandemik Covid-19 melanda, terutama apabila Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dijalankan di Kelantan pada 21 November lalu.

Walaupun sektor perniagaan makanan dibenarkan beroperasi, namun masih kurang pelanggan yang datang termasuk pengedar roti yang sering menempah rotinya.



Kedai yang masih dibuka semasa tempoh PKPB.

Menurut pengusaha kedai bakeri, Wan Norazlina Wan Ali, 46, berkata, jualan harian yang menurun kemungkinan masyarakat tidak berani keluar rumah kerana takut dengan jangkitan Covid-19.

“Semasa tempoh PKPB jualan agak kurang dimana pengedar sukar untuk datang kerana sekatan jalan raya tidak boleh merentas daerah yang boleh membataskan pergerakan,” katanya.

Sementara itu, pelanggan, NurJamilin Rashida Mohd Zamri, 24, berkata, sejak PKPB dijalankan dia jarang datang membeli kerana perlu melalui sekatan rentas daerah.



Seorang pelanggan yang sedang memilih roti.

Inisiatif lain turut diambil untuk menaikkan jualan hariannya dengan berniaga secara atas talian termasuk membuat penghantaran rumah ke rumah melalui agen-agen yang dilantik di bawahnya.

“Saya juga mempelbagaikan jenis-jenis roti yang saya buat supaya lebih laku untuk menarik pelanggan kerana mereka lebih suka roti yang menarik, sedap dan yang penting murah,” katanya.

Beliau juga tidak lupa untuk turut mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang diarahkan kerajaan dengan menyediakan cecair sanitasi tangan, pengimbas suhu, kertas untuk mencatat maklumat pelanggan serta imbasan kod QR MySejahtera.

Sebagai seorang peniaga kecil, beliau akur dengan keadaan pandemik walaupun jualan kurang mendapat sambutan, tetapi paling penting adalah menjaga kesihatan dan berjaga-jaga kerana perlu berdepan dengan orang luar demi keselamatan keluarganya.